

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
PADA MAJLIS PERASMIAN
KEJOHANAN SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN VIII
***28 JUN 2013 * 8.30 MALAM* KOMPLEKS SUKAN UniMAP**

Bismillahirrahmanirrahim

SALUTASI DIRAJA

Menghadap Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizudin Putra Jamalullail merangkap Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro- Canselor UniMAP.

Ampuan Tuanku.

Patik merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir bagi menyempurnakan Upacara Pemasyhuran Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra sekaligus merasmikan Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun atau ringkasnya SUKANUN kali ke-8 pada malam ini.

Sesungguhnya keberangkatan hadir Duli Tuanku berdua amat besar ertinya buat patik-patik sekalian. Ia juga bukti sokongan padu Dulu Tuanku berdua dalam memacu nama UniMAP di persada antarabangsa dan pada masa sama mencorakkan warna dalam kalendar kecemerlangan UniMAP.

Patik sekalian amat beruntung kerana memiliki Tuanku Canselor dan Pro Canselor yang sentiasa komited menyumbangkan idea dan bersama-sama patik sekalian Pengurusan Tertinggi serta warga UniMAP dalam susah dan senang.

Patik turut ingin mempersembahkan bahawa Duli Tuanku berdua merupakan sumber aspirasi bagi seluruh warga Perlis amnya dan warga UniMAP khasnya. Titah dan nasihat Dulu Tuanku akan sentiasa dijunjung dan disanjung menjadi pedoman buat patik sekalian.

Atas keprihatinan dan komitmen tinggi Duli Tuanku berdua jualah, UniMAP baru-baru ini berjaya melonjak ke kedudukan 242 universiti terbaik di Asia berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh QS Ranking Asia 2013.

Terkini, UniMAP juga pada minggu lalu telah diberikan Anugerah Emas bagi Kualiti dan Prestij Perniagaan daripada Otherways Association, Management and Consultant di Rome Italy.

Atas kejayaan ini, patik mewakili seluruh warga UniMAP merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga buat Duli Tuanku berdua dan semoga UniMAP yang patik sekalian cintai ini akan senantiasa diberikan kesejahteraan dan kejayaan yang berterusan.

Ampun Tuanku.

Patik juga mewakili warga UniMAP ingin merafak sembah menjunjung kasih kepada Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra atas perkenan yang diberikan kepada UniMAP untuk dimasyhurkan nama Yang Amat Mulia di Kompleks Sukan ini.

Ampun Tuanku.

Izini patik menyampaikan ucapan kepada sekalian hadirin yang hadir.

SALUTASI RASMI

1. Yang Amat Berhormat Tuan Azlan Man, Menteri Besar Perlis
2. Yang Berhormat Datuk Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis.
3. Yang Berhormat Datuk Azizan Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.
4. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis
5. Ahli-Ahli yang Berhormat
6. Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd. Shukor Haji mahfar, Ketua Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia merangkap Yang Dipertuan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.
7. Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin Ahmad, Presiden Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM)
8. Ketua-Ketua Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Badan Berkanun atau wakil
9. Naib-Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Rektor atau wakil
10. Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Badan Berkanun Malaysia
11. Ahli-Ahli Jawatankuasa Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia
12. Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan
13. Kontinjen-kontinjen SUKANUN
14. Wakil-wakil media
15. Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia.

PEMBUKA KATA

***Dalam bakul ada permata,
Permata indah cahaya berseri,
Assalamualaikum mulanya kata,
Selamat datang saudara saudari.***

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua dapat kita bersama-sama berhimpun pada malam yang indah dan bercahaya ini bagi memeriahkan lagi Majlis Pemasyhuran Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra dan Majlis Perasmian Kejohanan Sukanun edisi ke 8.

Sesungguhnya, majlis pada malam ini mempunyai signifikannya yang tersendiri bagi kami di UniMAP yang buat julung kalinya menjadi tuan rumah pada satu kejohanan yang menghimpunkan 71 agensi Persatuan Badan Berkanun di Malaysia.

Ia juga merupakan medan terbaik yang menghimpunkan atlit-atlit dan penggiat sukan di Agensi Badan Berkanun yang sudah tentunya akan member kebaikan dari aspek kecerdasan fizikal, mental dan spiritual warga kerja di agensi-agensi terlibat.

Dikesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kehadiran lebih 7,000 orang atlit, urusetia dan pegawai sukan yang mewakili Agensi Badan Berkanun di Malaysia yang telah dan akan mempamerkan bakat dan kebolehan masing-masing dalam kejohanan kali ini.

Saya berharap Kejohanan Sukanun Ke-8 ini akan dapat menggilap dan melahirkan bakat-bakat baru dalam arena sukan yang seterusnya berpotensi mengharumkan lagi nama agensi masing-masing pada masa hadapan.

Bukanlah matlamat utama bergiat cergas dalam aktiviti kesukanan untuk menjadi juara semata-mata, tetapi yang paling penting ialah mendorong semangat kesukanan itu sendiri. Harus diingat, aktiviti kesukanan dapat menerapkan semangat kerja berpasukan, meningkatkan semangat juang, meningkatkan ketahanan mental, menjalinkan silaturrahim dan sebagainya yang boleh diaplikasikan dalam konteks kehidupan dan kerja kita secara khususnya.

Malam ini juga bakal mencatatkan sejarah tersendiri buat UniMAP apabila Kompleks Sukan ini dimasyhurkan secara rasminya sebagai Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra bersempena nama anakanda putera Tuanku Canselor UniMAP.

Lebih bererti lagi, apabila pada malam ini juga trek di kompleks sukan ini secara rasminya menerima Sijil Pengiktirafan Trek Sintetik yang mana ianya disahkan mengikut piawaian IAAF daripada Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia.

FAKTA KEJOHANAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kejohanan SUKANUN Edisi Ke-8 membabitkan 28 acara yang akan dipertandingkan secara keseluruhannya dan telah berlangsung melalui 24 Jun lalu sehingga 2 Julai ini. Sebagai tuan rumah penganjuran tahun ini, UniMAP mengambil inisiatif memperkenalkan acara Woodball sebagai acara pertunjukan bagi edisi kali ini. Ia merupakan antara acara sukan yang popular di negeri Perlis selain bertepatan dengan pemilihan UniMAP sebagai tuan

rumah Kejohanan Woodball Universiti Dunia yang akan berlangsung awal tahun hadapan.

Bagaimanapun, sebelum itu pada bulan November ini UniMAP terlebih dahulu akan menganjurkan Kejohanan Woodball University Asean.

Sebanyak 11 lokasi/zon pertandingan di sekitar Perlis dan Kedah iaitu :

- a) Zon Kangar – Bola jaring, bola tampar, futsal, sepak takraw dan dart campuran
- b) Zon Batu Pahat – Golf dan Memancing
- c) Zon Kampus UniMAP Kubang Gajah – catur dan karom serta Bilik Sekretariat
- d) Zon Arau – Ping Pong campuran
- e) Zon Kuala Perlis – Hoki 9s
- f) Zon Kompleks Sukan UniMAP – Bola sepak 9s, tenis campuran, olahraga, woodball, petanque, tarik tali, basikal bukit dan mencari harta karun
- g) Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin – Badminton campuran
- h) Universiti Utara Malaysia – Bola sepak 9s
- i) Jitra – Golf VVIP
- j) Alor Setar – Boling Padang
- k) Sungai Petani – Tenpin boling

SUKANUN - PEMBANGUNAN KEGEMILANGAN SUKAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

Usaha pembangunan kegemilangan sukan bukan hanya terletak di bahu Persatuan Badan Berkanun mahupun tuan rumah penganjuran semata-mata, sebaliknya ianya adalah hak, amanah dan tanggungjawab kita bersama, di bahu saya, di bahu persatuan, di bahu semua agensi yang menjadi ahli seterusnya tuan- tuan dan puan- puan semua.

Saya yakin dan percaya, penganjuran SUKANUN mampu memberikan impak besar terhadap pembangunan sukan di Malaysia dan pada masa sama membuka peluang pekerjaan baru kepada atlit-atlit negeri/negara untuk mendapatkan pekerjaan di agensi badan berkanun di Malaysia. Melalui cara ini, kita bukan sahaja menjayakan misi Dasar Sukan Negara sebaliknya turut sama mendokong dan menyokong misi pembangunan Sumber Manusia di negara ini.

Kitalah yang akan menentukan sejauh manakah kegemilangan sesebuah agensi ini akan berkembang menerusi sukan, dan kitalah yang akan menjadi pemangkin kepada kejayaan generasi-generasi akan datang. Kita juga perlu menyerlahkan menerusi SUKANUN ini akan peningkatan prestasi sukan di negeri dan negara sekaligus mungkin siapa sangka kejayaan membangunkan atlet- atlet bertaraf dunia juga.

PENUTUP KATA

Adat bertanding ada menang dan kalah, tetapi yang penting ialah untuk memberi yang terbaik di dalam semangat kesukanan; dan mengukur sejauh manakah usaha kita yang telah membuahkan kejayaan. Ianya juga perlu dijadikan pembakar nian kita untuk berusaha lebih gigih lagi di masa hadapan. Ambillah peluang ini untuk kita perbaiki persefahaman kita, kejituan perpaduan kita, dan solidariti kita sebagai sebuah keluarga sukan yang besar di bawah bendera Persatuan Badan Berkanun.

Selamat Maju Jaya kepada semua agensi yang terlibat.

Lama diidam si buah kundang,

Penat mencari pagi ke petang,

*Pantang berundur sebelum kecundang,
Walau besar rintangan mendatang.*

PENUTUP SALUTASI DIRAJA

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Sekali lagi patik mewakili sekalian yang hadir merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir pada malam ini.

Sekian, **Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Terima Kasih.